

BENTUK KERTAS SOALAN

Sejarah Kertas 2 mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Bahagian A adalah soalan struktur manakala Bahagian B pula adalah soalan esei. Pembahagian soalan adalah seperti berikut:

Bahagian A: Mengandungi empat soalan yang dipecahkan kepada empat cerai kecil. Calon dikehendaki menjawab kesemua soalan yang kemukakan. Markah penuh untuk setiap soalan sepuluh markah. Keseluruhan markah untuk Bahagian A adalah empat puluh markah.

Bahagian B: Mengandungi soalan yang dipecahkan kepada dua cerai kecil. Calon dikehendaki memilih tiga soalan sahaja untuk dijawab. Markah penuh untuk setiap soalan adalah dua puluh markah. Keseluruhan markah untuk Bahagian B adalah enam puluh markah.

Calon diberi masa selama dua setengah jam untuk menjawab keseluruhan soalan dari Bahagian A dan tiga soalan dari Bahagian B.

PRESTASI KESELURUHAN

Secara keseluruhan prestasi jawapan calon pada tahun ini adalah baik. Terdapat peningkatan dari aspek pencapaian markah. Calon mampu untuk menjawab dengan menggunakan olahan bahasa yang menarik dan memberikan fakta-fakta yang tepat.

Namun begitu terdapat juga calon yang tidak menjawab soalan seperti yang dikehendaki apabila calon memberikan jawapan yang terpesong. Malahan terdapat juga calon yang hanya menyalin soalan sahaja dan ada kemungkinan mereka terdiri daripada kumpulan calon kurang kemahiran membaca dan menulis. Pada tahun ini juga masih terdapat calon-calon yang menjawab tidak mengikut arahan yang terdapat dalam kertas soalan terutamanya pada Bahagian B. Calon-calon ini menjawab lebih daripada tiga soalan dan terdapat juga calon yang menjawab kesemua soalan pada Bahagian B, sedangkan mereka hanya diarahkan untuk menjawab tiga soalan sahaja.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Prestasi Tertinggi

Calon dalam kategori ini memahami kehendak soalan atau tugas yang diberikan. Isi jawapan calon adalah sempurna dan memenuhi kehendak tugas soalan dan menepati kehendak peraturan pemarkahan. Setiap isi jawapan untuk Bahagian B dihuraikan dengan baik dan disertakan dengan contoh-contoh yang bersesuaian. Sebahagian besar calon mendapat markah penuh terutamanya untuk soalan-soalan dari Bahagian B.

Calon Dalam Kumpulan Prestasi Sederhana

Calon dalam kategori ini kurang memahami kehendak soalan. Calon mengemukakan isi jawapan yang kurang lengkap dan kurang tepat. Kemahiran menghuraikan isi jawapan juga agak terhad. Terdapat calon yang memberikan jawapan dengan menggunakan isi yang sedikit tetapi masih mendapat markah penuh disebabkan kandungan isi atau tema jawapan di dalam peraturan pemarkahan yang agak luas. Terdapat juga calon di dalam kumpulan ini yang tidak menjawab sebahagian daripada ceraihan soalan.

Calon Dalam Kumpulan Prestasi Lemah

Calon dalam kumpulan ini memberikan jawapan yang tidak tepat, tidak mengikut kehendak peraturan pemarkahan dan tidak mengikut kehendak soalan. Kebanyakan calon hanya menjawab soalan-soalan dari Bahagian A sahaja. Isi jawapan yang betul adalah terlalu sedikit. Untuk Bahagian B, jawapan yang diberikan terlalu umum dan sering terpesong. Kemahiran calon untuk menghurai isi jawapan amat lemah. Terdapat calon yang mengemukakan jawapan berbentuk nota ringkas di samping ada yang hanya menyalin soalan sahaja. Penyampaian calon berbelit-belit dan sukar difahami. Malahan terdapat calon yang memberikan isi jawapan secara meneka-neka sahaja.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1a

Calon cemerlang dapat menyatakan isi jawapan dengan tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh tugas soalan. Contohnya, calon menulis, "Hukum Kanun 12 ditulis/dipahat di atas papan dan diletakkan di tempat awam".

1 Rajah di atas merujuk kepada perundangan tamadun Rom.

(a) Apakah cara memudahkan rakyat merujuk kepada undang-undang di atas?

(i) Hukum Kanun 12

...Dipahat pada papan yang diletakkan di tempat awam

(ii) Undang-Undang Justinian

...Dibukukan oleh Maharaja Justinian

Kelemahan calon adalah kerana tidak dapat memahami kehendak soalan dan tidak mengetahui isi jawapan. Contohnya calon tidak dapat menjelaskan tentang Undang-undang Justinian.

1 Rajah di atas merujuk kepada perundangan tamadun Rom.

(a) Apakah cara memudahkan rakyat merujuk kepada undang-undang di atas?

(i) Hukum Kanun 12

.....

(ii) Undang-Undang Justinian

Undang-Undang dibahas diparlimen

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah menulis tentang satu daripada bahagian Undang-undang Rom iaitu undang-undang sivil. Sepatutnya calon menulis tentang Undang-undang Justinian.

1 Rajah di atas merujuk kepada perundangan tamadun Rom.

(a) Apakah cara memudahkan rakyat merujuk kepada undang-undang di atas?

(i) Hukum Kanun 12

.....

(ii) Undang-Undang Justinian

undang-undang sivil

10
[2 markah]

Soalan 1b

Calon cemerlang dapat menyatakan tema dengan tepat seperti tema sivil, rakyat dan natural.

(b) Nyatakan **satu** daripada bahagian Undang-Undang Rom

undang-undang natural (Natural Law)

Kelemahan calon adalah gagal menyatakan keseluruhan isi sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Terdapat juga calon yang tidak menjawab soalan ini.

(b) Nyatakan **satu** daripada bahagian Undang-Undang Rom?

Undang-undang ~~hutan~~ yang di simpan di Mahkamah

[1 markah]

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah menjawab secara rambang tanpa sebarang kaitan dengan kehendak soalan

(b) Nyatakan **satu** daripada bahagian Undang-Undang Rom?

undang-undang Agama

2 0

Soalan 1c

Calon cemerlang dapat memberikan tiga prinsip Undang-undang Rom seperti yang diminta oleh soalan.

(c) Berikan tiga prinsip dalam Undang-Undang Rom?

- (i) Seseorang tidak dianggap bersalah sehingga dibuktikan kesalahannya
- (ii) Semua manusia sama di sisi Undang-Undang.
- (iii) Keadilan diberi bagi setiap individu

Kelemahan calon adalah mengulang isi jawapan.

(c) Berikan tiga prinsip dalam Undang-Undang Rom

[1 markah]

- (i) Seseorang dianggap tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah
- (ii) Setiap orang berhak untuk mendapat keadilan
- (iii) Kesalahan hanya dapat dibuktikan dengan bukti yang kukuh

Kesilapan yang calon lakukan ialah memberikan jawapan yang terpesong dan menyeleweng. Calon tidak memahami prinsip undang-undang Rom.

(c) Berikan tiga prinsip dalam Undang-Undang Rom?

- (i) Hukuman yang setimpal dengan kesalahan
- (ii) Hukuman berdasarkan individu
- (iii) Hukuman berdasarkan agama

Soalan 1d

Calon cemerlang memahami kepentingan undang-undang bagi sesebuah negara.

(d) Berikan pendapat anda tentang kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara.

- Undang-undang penting kerana dapat menjamin keamanan negara. Kebebasan rakyat sesebuah negara juga dapat dikawal. Undang-undang juga menjamin kestabilan sesebuah negara dan keselamatan negara. Taat setia rakyat juga dapat dijamin dengan undang-undang. Undang-undang juga dapat memasti kenidupan rakyat yang harmoni. Perpaduan rakyat juga dapat dijamin dengan undang-undang.

Kelemahan calon pula adalah gagal memahami kepentingan undang-undang.

- (d) Berikan pendapat anda tentang kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara.

Undang-undang dapat memastikan masyarakat di
sesebuah negara dapat hidup dengan aman.
Negara juga akan membangun dengan lebih pesat
dengan terbentuknya undang-undang.

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah menerangkan tentang kepentingan undang-undang secara umum dan memberikan pengertian yang kabur.

- (d) Berikan pendapat anda tentang kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara.

- Negara tidak aman
- huru-hara
- menjalin hubungan antara bangsa.

Soalan 2a

Calon cemerlang dapat menerangkan dengan tepat konsep Hijrah.

Peristiwa Hijrah sangat penting dalam sejarah perkembangan agama Islam.

- (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan dua konsep Hijrah.

- (i) perpindahan dari satu tempat ke tempat lain.
(ii) perpindahan orang Islam dari Mekah ke Madinah.

Kelemahan calon pula dapat dikesan melalui penerangan konsep Hijrah secara umum.

- 2 Peristiwa Hijrah sangat penting dalam sejarah perkembangan agama Islam.

- (a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan dua konsep Hijrah.

- (i) (perpindahan umat Islam Mekah ke Madinah) untuk mempertahankan agama
Islam dan sebagai strategi penyebaran Islam
(ii) menjuarakan, menjaga maruah dan mempertahankan agama
(Islam).
[2 markah]

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah gagal menerangkan konsep hijrah dengan betul

2 Peristiwa Hijrah sangat penting dalam sejarah perkembangan agama Islam.

(a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, nyatakan dua konsep Hijrah.

- (i) Perpindahan orang Islam dari
Madinah ke Makkah. 10
- (ii)

Soalan 2b

Calon cemerlang dapat menerangkan sebab-sebab peristiwa hijrah Nabi Muhammad s.a.w. dengan tepat. Calon menulis jawapan dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami.

(b) Jelaskan sebab berlakunya peristiwa Hijrah?

- Orang Quraisy ingin mengancam Nabi Muhammad s.a.w dan orang Islam
dan ini merupakan perintah Allah. Maka Hijrah juga merupakan salah satu
cara untuk perkembangan Islam dan merupakan jemputan daripada
orang Madinah. [2 markah]

Kelemahan calon adalah gagal menerangkan perkara atau faktor berlakunya Hijrah.

(b) Jelaskan sebab berlakunya peristiwa Hijrah?

- orang Islam ditindas

Kesilapan yang dilakukan oleh calon adalah memberikan jawapan yang tidak tepat dengan kehendak soalan. Calon memberikan jawapan yang tidak berkaitan.

(b) Jelaskan sebab berlakunya peristiwa Hijrah?

- Jemputan daripada orang Yahudi
Madinah.

Soalan 2c

Calon cemerlang dapat menerangkan kepentingan Hijrah dengan jelas sebagaimana kehendak tugas soalan.

(c) Nyatakan dua kepentingan Hijrah kepada penduduk Madinah?

- (i) Menyatukan penduduk Madinah yang sebelum ini berpecah-belah
- (ii) Memajukan ekonomi, politik dan sosial masyarakat Madinah.
- (c) Mewujudkan Muhajirin dan Ansar. [2 markah] 2

Kelemahan calon adalah kurang memahami perbezaan antara golongan Ansar dengan Muhajirin.

(c) Nyatakan **dua** kepentingan Hijrah kepada penduduk Madinah?

- (i) Tertubuhnya negara Islam di Madinah
(ii) golongan Anshar yang berpindah ke Madinah
mendapat Jaedah [2 markah]

Kesilapan yang dilakukan calon adalah memberikan jawapan yang menyeleweng. Calon hanya menerangkan maksud Hijrah sahaja.

(c) Nyatakan **dua** kepentingan Hijrah kepada penduduk Madinah?

- (i) Hijrah adalah perpindahan orang Islam

Soalan 2d

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang tepat dan jelas. Jawapan calon mudah difahami dan disertai dengan contoh-contoh pembaharuan yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w.

(d) Huraikan dengan ringkas pembaharuan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. setelah berhijrah ke Madinah.

Nabi Muhammad membentuk piagam Madinah sebagai
perlembagaan yang pertama di dunia. (Nabi Muhammad
juga membentuk Muhajirin iaitu umat Islam yang Makkah
yang berhijrah ke Madinah dan Anshar iaitu penduduk asal
Madinah.) Selain itu Nabi Muhammad membina [4 markah]
masjid Al-Nabawi di Madinah. Nabi Muhammad
mempkenalkan hukum Islam.

Kelemahan calon adalah tidak dapat menerangkan pembaharuan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w.

(d) Huraikan dengan ringkas pembaharuan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. setelah berhijrah ke Madinah.

Membentuk negara Islam
mengubah perlembagaan

Kesilapan calon adalah kerana menjawab secara umum sahaja. Contohnya, "Nabi Muhammad s.a.w. membina masjid".

- (d) Huraikan dengan ringkas pembaharuan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. setelah berhijrah ke Madinah.

Membina masjid

Soalan 3a

Calon cemerlang dapat menamakan jenis-jenis tanaman komersial seperti yang dikehendaki oleh soalan. Terdapat dalam kalangan mereka yang menjawab lebih daripada dua tanaman iaitu melebihi daripada kehendak soalan.

- 3 (a) Senaraikan **dua** jenis tanaman komersil yang diusahakan oleh pemodal tersebut.

(i) ~~Gambir~~ kopi

(ii) Lada Hitam

- Gambir - Tebu [2 markah]

Kelemahan calon adalah tidak dapat memberikan jawapan yang tepat.

- 3 (a) Senaraikan **dua** jenis tanaman komersil yang diusahakan oleh pemodal tersebut.

(i) teh

(ii) ubi

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah memberikan tanaman bukan komersial seperti tanaman padi, koko dan petrolium.

- 3 (a) Senaraikan **dua** jenis tanaman komersil yang diusahakan oleh pemodal tersebut.

(i) padi

(ii) koko

Soalan 3b

Calon cemerlang dapat menyatakan jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan. Mereka dapat menyatakan faktor-faktor yang menggalakkan tanaman komersial seperti tanah yang subur dan pasaran yang luas.

- (b) Apakah faktor yang menggalakkan tanaman tersebut diusahakan secara meluas?

(i) Permintaan yang tinggi

(ii) Harga pasaran yang tinggi

(iii) Cuaca yang sesuai dengan tanaman. [2 markah]

Kelemahan calon adalah memberikan jawapan yang terlalu umum.

(b) Apakah faktor yang menggalakkan tanaman tersebut diusahakan secara meluas?

- (i) pengaliran yang meluas
- (ii) hujan yang mencukupi sepanjang tahun
- [2 markah]

Kesilapan calon dapat dikesan melalui aspek menulis jawapan atau menerangkan faktor-faktor bukan untuk tanaman komersial. Contohnya memberikan taraf perintis kepada pengusaha.

(b) Apakah faktor yang menggalakkan tanaman tersebut diusahakan secara meluas?

- (i) memberi taraf perintis kpd pengusaha
- (ii) beri bantuan

Soalan 3c

Calon cemerlang dapat menjawab dengan tepat.

(c) Berikan dua sebab masyarakat Melayu kurang terlibat dengan tanaman komersil.

- (i) tidak mempunyai modal untuk mengusahakan tanaman komersil
- (ii) tidak mempunyai kepakaran dan teknologi yang tinggi

Kelemahan calon adalah tidak dapat menerangkan penglibatan orang Melayu dalam tanaman komersial. Terdapat juga calon yang tidak menjawab ceraihan ini.

(c) Berikan dua sebab masyarakat Melayu kurang terlibat dengan tanaman komersil.

- (i)
- (ii)

Kesilapan calon ialah memberikan jawapan umum yang tidak berkaitan dengan kehendak soalan seperti orang Melayu tidak mahu mengambil risiko.

(c) Berikan dua sebab masyarakat Melayu kurang terlibat dengan tanaman komersil.

- (i) Orang Melayu tidak mahu mengambil risiko
- (ii) orang Melayu kurang usaha
- [2 markah]

Soalan 3d

Calon cemerlang dapat memberikan jawapan yang tepat sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan.

- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah tanaman komersil lebih tertumpu di kawasan pantai barat semasa penjajahan British?

Kemudahan awam seperti jalan raya hanya bertumpu di pantai Barat dan
perkemungkinan
merangsang tanaman komersil. Tanah yang subur dan sesuai di kawasan
pantai Barat. Perkembangan bandar di pantai barat adalah lebih pesat. Penduduk
di pantai Barat lebih kaya dan moden. Kepakaran dan teknologi mereka bertumpu
di pantai Barat. Hampir semua bandar utama dan bandar besar berada di pantai Barat

Kelemahan calon ialah memberikan fakta yang kurang. Calon juga memberikan penerangan yang tidak jelas tentang lokasi tanaman komersial.

- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah tanaman komersil lebih tertumpu di kawasan pantai barat semasa penjajahan British?

- Jumlah penduduk yang ramai
- penduduk pantai barat lebih kaya.

Kesilapan calon ialah menulis jawapan dengan menyalahkan lokasi tanaman di Pantai Timur menjadi penyebab utama tanaman komersial ditanam di Pantai Barat.

- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah tanaman komersil lebih tertumpu di kawasan pantai barat semasa penjajahan British?

- Di pantai Timur tanah tidak subur
- Kurang jalan raya

Soalan 4a

Calon yang cemerlang dapat menjawab dengan tepat, jelas dan padat. Mereka mendapat markah penuh.

4 (a) Berikan dua faktor penentangan tersebut.

- (i)Pembesar-pembesar kehilangan hak memungut cukai.....
- (ii)Pembesar-pembesar kehilangan pengaruh dan kuasa.....

Calon yang lemah menulis jawapan menyeleweng.

4 (a) Berikan dua faktor penentangan tersebut.

- (i)Pemimpin tempatan menentang British.....
- (ii)pemimpin tempatan mendapat sokongan rakyat.....

Kesilapan calon ialah pemimpin-pemimpin tempatan dianggap pengganas atau pemberontak.

4 (a) Berikan dua faktor penentangan tersebut.

- (i)pembesar tempatan dianggap x / o.....
- (ii)pengganas.....

Soalan 4b

Calon cemerlang dapat menguasai fakta dan memberikan jawapan dengan jelas.

(b) Apakah akibat penentangan terhadap pemimpin tempatan tersebut?

- (i)beberapa pemimpin tempatan dilucutkan jawatan
(serta dibuang negara negeri).....
- (ii)Beberapa pemimpin tempatan telah terlucutan semua
menabur bakti kepada tanah air.....

Kelemahan calon ialah tidak dapat menerangkan akibat penentangan kepada pemimpin tempatan dengan tepat.

(b) Apakah akibat penentangan terhadap pemimpin tempatan tersebut?

- (i) British menyerang dan menampas udayah
- (ii) pemimpin hilang kuasa

Kesilapan calon ialah mereka tidak dapat menerangkan hukuman yang diterima oleh pemimpin tempatan akibat penentangan mereka terhadap penjajah.

(b) Apakah akibat penentangan terhadap pemimpin tempatan tersebut?

- (i) pemimpin tempatan di lantik menjadi penghulu
- (ii) di lantik menjadi duka

Soalan 4c

Jawapan calon cemerlang adalah tepat dan jelas.

(c) Apakah sikap perjuangan pemimpin tempatan tersebut yang boleh dijadikan iktibar?

- (i) cinta kepada tanah air dan patriotisme
- (ii) sikap kerjasama

Kelemahan calon ialah tidak dapat memahami maksud iktibar. Keadaan ini menyebabkan jawapan mereka kabur dan jawapan tidak menepati sebagaimana yang dikehendaki oleh soalan.

(c) Apakah sikap perjuangan pemimpin tempatan tersebut yang boleh dijadikan iktibar?

- (i) pemimpin ditangkap
- (ii) mereka dibunuh

Kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah mereka menerangkan iktibar penentangan tersebut yang tidak ada kaitan dengan kehendak soalan.

(c) Apakah sikap perjuangan pemimpin tempatan tersebut yang boleh dijadikan iktibar?

- (i) penting dan
tidak amanah.
- (ii)
asingkan diri.
- [2 markah]

Soalan 4d

Calon cemerlang dapat menyampaikan jawapan dengan jelas dan tepat.

(d) Terangkan tentang perjuangan Mat Salleh menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

- (i) kawasan Mat Salleh telah ditampas oleh SBUB.....
- (ii) Mat Salleh mengadakan tandingan dgn SBUB dan dijonjikan kawasan.....
- (iii) Mat Salleh menyerang kubu SBUB di Pulau Gaya.....
- (iv) SBUB menyerang kawasan Mat Salleh dan menang.....
manakala Mat Salleh melarikan diri [4 markah]
Sebelum meninggal dunia pada 1900.
- 4

Kelemahan calon ialah fakta yang ditulis bercampur aduk dengan peristiwa penentangan yang dilakukan oleh pemimpin selain daripada Mat Salleh.

(d) Terangkan tentang perjuangan Mat Salleh menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

- (i) British enggan mengakui kedudukan Mat Salleh di Taiwan.....
- (ii) British melaksana sistem sukai.....

Kesilapan calon ialah menerangkan peristiwa yang salah dan tidak berkaitan dengan perjuangan pemimpin yang dikehendaki.

(d) Terangkan tentang perjuangan Mat Salleh menentang Syarikat Borneo Utara British (SBUB) di Sabah.

- (i) British melantik Mat Salleh menjadi pemimpin Sabah.....
- (ii)
.....
- (iii) Mat Salleh di lantik menjadi wakil British di Sabah.....
- (iv) Mat Salleh berbaik-baik dengan British..... [4 markah]

Soalan 5a

Calon yang cemerlang memberikan jawapan yang tepat. Isinya mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan. Bahasa yang digunakan mudah difahami.

(Setelah orang Latin mengalahkan raja-raja berketurunan Etruscan, mereka telah memulakan sistem pemerintahan Republik. Sistem pemerintahan Republik diamalkan di banyak negara pada masa kini, seperti Amerika Syarikat, India dan Perancis.)	Depul
(Dari segi undang-undang, undang-undang Rom seperti Undang-Undang Justinian dapat digunakan pada hari ini. Prinsip-prinsip Undang-Undang Justinian yang telah dibukukan menjadi asas kepada undang-undang Rom pada masa sekarang.)	Ind
(Orang Rom dahulu telah mengambil dan mengubahsuakan sistem tulisan orang Yunani. Pada hari ini, tulisan itu digunakan di banyak tempat di seluruh dunia termasuk Malaysia. Tulisan yang dimaksudkan adalah tulisan rumi.)	fumi
(Masyarakat Rom dahulu juga telah menerima dan mengamalkan agama kristian selain daripada pagan (tidak menganuti agama-agama besar dunia atau langsung tidak mempunyai agama). Orang-orang Kristian diberikan keistimewaan seperti tidak perlu memasuki angkatan tentera, diberi kelonggaran daripada melakukan kerja berat dan Hari Abad dikhaskan untuk aktiviti agama. Disebabkan ini, agama kristian bertahan dan dianuti sebahagian besar rakyat dunia.)	3a
(Seni bina Rom juga amat dikagumi dan menjadi daya tarikan pelancong pada hari ini. Binaan seperti pantheon, Colosseum dan aqueduct amat dikagumi. Kebijakan pembina-pembina pada masa itu boleh diikuti masyarakat sekarang.)	te.indi. 27

max 10

Kelemahan calon ialah tidak memahami maksud soalan dan tidak dapat memberikan isi jawapan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan pemarkahan.

5a)

Tamadun Rom beri sumbangan dalam bidang undang-undang. Bidang-undang ^{undang} sivil digubal dan dilaksanakan. 2

Pelajaran maharaja yang digunakan oleh Jesus Cesar masih dipakai mega hari ini.

Jawatan presiden masih diguna oleh banyak negara sekarang.

Susunan lapis dalam masyarakat Rom seperti semua negara, baik warga negara dan rakyat asing masih ramai terlibat.

perumus undang-undang jadi amalan rakyat. Kerajaan mengabdikan rakyat mengikut undang-undang negara.

Kesilapan calon apabila mereka keliru dengan beberapa konsep seperti konsep teknologi.

5A. a) Huraikan Sumbangan Tamadun Rom kepada kehidupan Hari ini.

Tamadun Rom maju - Di perintah oleh seorang Perdana Menteri.

Kemajuan teknologi nya hebat.

Di di sini kaum rumah tinggi-tinggi dan bertingkat-tingkat.

Jambatan yang panjang merentam sungai yang lebar. Jentres-jentres betas digunakan untuk membina jambatan. ~~Aqueduct~~ ~~terusan air~~ juga dibina untuk pertamian dan kehidupan harian.

Soalan 5b

Calon yang cemerlang menjawab soalan dengan jelas, tersusun dan kemas tentang peperiksaan awam China. Keadaan ini menyebabkan calon mendapat markah yang maksimum.

Peperiksaan awam dalam tamadun China diendalikan secara ketat.	penilaian 2
(Pemeriksa awam dikurung sebelum tiga hari peperiksaan) (Calon peperiksaan awam dikurung dalam sebuah bilik yang disediakan makanan dan minuman selama 3 hari untuk menulis jawapan.)	Calon 2
(Sesiapa yang ditangkap mnliru semasa peperiksaan awam dihukum bunuh.)	titik 2
(Peperiksaan tahap pertama dijalankan di daerah) (tahap kedua di ibu kota daerah) dan tahap ketiga di ibu kota empayar iaitu di hadapan maraja. (Tahap pertama dan kedua dijalankan 3 tahun sekali) dan (tahap ketiga 3 tahun sekali.)	tahap 2 kedua 2 ketiga 2 tahap 2
Lulusan tahap pertama dan kedua boleh menjadi pegawai kerajaan manakala	tahap 2 pegawai
(lulusan tahap ketiga layak menjadi pendidik.)	2 pendidik

Kelemahan calon ialah memberikan jawapan yang bercampur aduk, umum dan tidak tepat sebagaimana yang dikehendaki.

5(b)	
peperiksaan awam china dibahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat rendah (su tai), peringkat tinggi, dan peringkat sederhana.	Bahagi 2 =
peperiksaan peringkat rendah menguji pengetahuan asas dan falsafah ideogram, Tahap sederhana menguji kemahiran sajak, Tahap tinggi menterjemah batu-batu.	TH
Calon peperiksaan dikurong dalam bilik beberapa hari supaya masalah telah bawak, maka debai kepada mereka.	Tiru ↓

Kesilapan calon ialah tidak memahami sistem peperiksaan awam dalam Tamadun China. Di samping itu, terdapat kesilapan dalam menyusun tahap-tahap peperiksaan awam di China.

5b.	Terangkan pelaksanaan Peperiksaan Awam dalam Tamadun China.
	Peperiksaan awam di China dibahagi kepada Tiga Tahap iaitu Tahap Pertama, kedua dan ketiga.
	Tahap pertama setaraf doktor falsafah.
	Tahap kedua setaraf sarjana dan Tahap kedua ijazah sarjana muda.
	Tahap pertama di jalankan di Istana Raya.

Tahap kedua dan ketiga
 di kampung ini di hadapan
 amun kepada semua rakyat.

Soalan 6a

Calon cemerlang dapat menguasai soalan ini dengan baik. Mereka dapat memberikan isi jawapan yang tepat dan padat mengikut kehendak soalan dan peraturan pemarkahan. Jawapan mereka mudah difahami dengan menggunakan ayat yang jelas.

Tamadun Islam bertembang ke seluruh dunia melalui perdagangan. Sifat mahmudah dan sikap ber-sopan-santun telah menarik minat orang ramai. Selain itu, kemasukan ulama untuk berdakwah juga merupakan salah satu sebab.	pele sefa mubaligh 2
Melalui perkahwinan, tamadun Islam ^{dapat} bertembang ke seluruh dunia. Kebanyakan pedagang akan bertakwin dengan orang tempatan dan mendorong mereka ^{turut} memeluk agama Islam.	kalum 2
Pengislaman golongan raja dan bangsawan juga merupakan salah satu sebab Islam bertembang ke seluruh dunia. Setelah raja dan golongan bangsawan memeluk agama Islam, rakyat juga akan mengikutinya kerana raja merupakan ketua kepada negara.	pej 2
(Peranan pusat kebudayaan juga adalah istimewa). Ini kerana istana telah menjadi ^{sebagai} pusat keagamaan. ^{untuk mendalami Islam} Di samping itu, peranan mubaligh adalah penting. Mereka sentiasa berdakwah dan menyebarkan agama Islam kepada orang tempatan.	keid 2 mubaligh 2 ↑ mubaligh
Tamadun Islam dapat bertembang ke seluruh dunia disebabkan ^{juga} oleh taklukan jajahan Islam. Mereka telah menjajah sebuah kawasan yang baru dan mula menyebarkan agama Islam.	XJ -keid 2

Kelemahan calon ialah tidak menjawab dengan tepat.

69.

kesan tamadun Islam dalam budaya seni seperti ada banyak seperti tulisan hand yang diguna sampai sekarang dan ada dawai.

Cara pentadbiran barat tidak digunakan tapi diguna cara Islam.

kesan lain ialah guna batik. Seni batik diguna untuk buat pakaian-baju dan kain kurung.

pelukis Islam lahir dengan ramai. Mereka melukis seni Islam untuk dajal.

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah mereka keliru tentang kehendak soalan. Calon hanya menjawab perkembangan Islam di Asia Tenggara sahaja, tidak sebagaimana kehendak soalan yang memerlukan jawapan perkembangan Islam di seluruh dunia.

6. a. Bagaimanakah tamadun Islam berkembang ke seluruh dunia?

Tamadun Islam berkembang melalui jalan perdagangan. Raja-raja melalui berkahwin dengan puteri-puteri pawai dan Islam mula berkembang. Rajaguru juga turut memeluk Islam.

Islam juga berkembang melalui jalan laut dan darat. Melalui duta-duta melalui perdagangan dengan dunia lain.

Soalan 6b

Calon cemerlang menguasai fakta dan memahami kesan tamadun Islam dalam bidang kesenian. Jawapan yang diberikan tepat seperti yang dikehendaki oleh soalan dan isi jawapannya pula menepati kehendak peraturan pemarkahan.

Kesan perkembangan tamadun Islam dalam bidang kesenian ialah pembinaan masjid. Setelah kedatangan Islam, ukiran pada dinding masjid adalah berdasarkan kepada bunga-bungan dan tumbuh-tumbuhan. Di samping itu, mimbar dan mazhab juga terdapat ukiran yang istimewa. Selain itu, tulisan seperti seni khat juga berkembang dengan luas. Tarian-tarian tradisional seperti ^{tarian} joget juga disebarkan oleh perkembangan tamadun Islam.	bin Te we Lha U
---	-----------------------------

Kelemahan calon ialah memberikan jawapan yang tidak cukup fakta terutama dalam bidang muzik.

6b Kesan perkembangan dalam budaya seni dapat dilihat daripada banyak perkara.	
Seni bina dalam banyak dipahai dalam membina masjid, surau dan tempat ibadat. Istana raja juga ada di ukir seni bina Islam.	Bina 2
Tulisan Jami diguna tulis oleh orang melayu berasal dari tamadun Islam. Tulisan jami di ukir pada dinding untuk dibaca.	Ukir

Kesilapan yang dilakukan oleh calon ialah mencampuradukkan fakta-fakta seni ukir, masjid dan seni bina.

6.b. Berdasarkan pengetahuan sejarah anda jelaskan kesan perkembangan tamadun Islam dalam bidang kesenian.

(Orang Islam maju dalam seni ukir seni ukir dan seni bina. Merda maju dalam seni lukis rumah di orang Islam di bina bersama-seni.

ukir
✓

manjid di bina dan di ukir dengan keindahan seni ukir yang cantik dan menarik. Amas cantik apa & la di pondang.

mosjid
✓

Soalan 7a

Calon cemerlang memberikan jawapan yang tersusun rapi. Jawapan calon tepat dan padat selaras dengan kehendak tugas soalan dan juga peraturan pemarkahan.

a) (Antara faktor ^{barat} imperialisme ialah kekayaan bahan mentah yang terdapat di tanah Melagu.) (Bahan mentah ini diperdagangkan dan diperlukan oleh imperialisme barat.)
Salakan pemerintah Sepanyol dan Portugal menggalakkan rakyatnya melakukan penjelajahan dan ke timur menggalakkan lagi proses imperialisme.

sayu
mentah
galat
✓

Persaingan antara kuasa barat untuk melakukan proses penjelajahan mengalakkan lagi proses imperialisme barat.	2V
Pengangan kuasa barat untuk membangunkan dan menyebarkan tamadun barat ke timur turut menjadi faktor imperialisme.	ngg 2
Perkembangan 'reduksi pengeluaran' di barat yang memerlukan kelangrungan bekalan mentah turut menjadi faktor imperialisme.	Indu 2 ↑ sil
Pembukaan terusan Suez yang mendedahkan perjalanan dari timur ke barat turut memudahkan imperialisme berlaku.	Suez 2
Kedudukan Asia Tenggara yang strategik menarik perhatian imperialisme barat.	AT

Kelemahan calon ialah tidak dapat menjawab soalan yang diberikan. Jawapan yang diberikan oleh calon mengandungi fakta yang amat kurang.

Ta. Imperialisme barat sangat suka menjajah asia tenggara, mereka datang dan jauh menjajah negara timur.	litro
Faktor industri di asia tenggara menggerakkan mereka menjajah. mereka mahu rebut peluang industri di sana.	TR
(Ekonomi imperialisme barat turut mendorong asia tenggara dijajah imperialisme barat ingin menguasai ekonomi perdagangan di Asia Tenggara. mereka datang dan melabur. Keuntungan mereka dapat)	1/2

imperialis buha kilang deladang
 ladang. pekebunan mereka besar.
 Imperialis Barat mahu menguasai
 bahan mentah yang ada banyak di
 Asia Tenggara. Barang seperti timah

Kesilapan calon ialah tidak memasukkan isi tentang perhubungan perniagaan antara peniaga Barat dengan wakil mereka di Timur.

7a. Mengapakah imperialis barat men-
 jajah negara-negara di Asia Tenggara
 antara abad ke-15 hingga awal
 abad ke-20?

Negara-negara barat datang
 ke Asia Tenggara pada abad ke-15
 ialah menjajah dan mencah
 kelay dan seperti emas, petroleum.
 Mereka juga datang untuk
 menyebarkan agama kristian
 yang mereka anuti. Mereka
 amat membenci orang Islam.
 Mereka camburui orang Islam.
 Mereka hendak menindas orang
 Islam.
 Sentam mereka terhadap orang
 Islam amat mendalam.

Soalan 7b

Calon yang cemerlang dapat memberikan jawapan dengan isi yang padat. Jawapan calon menepati kehendak soalan dan peraturan pemarkahan.

Antara kesan imperialisme Barat ke atas Asia Tenggara adalah pelaksanaan sebagai undang-undang Barat di Asia Tenggara.	} Khdang 2
Pelaksanaan undang-undang menjadi satu pengiktirafan rakyat terhadap kuasa Barat.	
(Pengaruh pembesar dan raja-raja semakin lemah) (Mereka tidak boleh mengutip cutai.)	} Paja pbesar 2
Kemudahan (Rakyat terpaksa menerima sistem Residen yang bertindak sebagai penasihat raja-raja.)	
(Kemudahan tidak seimbang dan lebih tertumpu ke di bandar sahaja.	} Balot. 2
Rakyat tidak menikmati kemudahan yang dibentok oleh Barat.)	
Rakyat kehidupan rakyat tempatan ditindas apabila dipaksa menjadi buruh seperti Tanaman Buruh Paksa di Indonesia.	} Tindas 2
Wujudnya masyarakat pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan India.	
Setiap kaum hidup mengikut kaum seperti kaum Melayu di kampung-kampung, Cina di bandar dan India di Ladang Getah. konsep percah pindah diamalkan.)	} Fungsional 2
Sistem pendidikan juga mengikut kaum apabila masing-masing mempunyai sekolah untuk setiap ^{setiap} kaum sahaja.	
Kesan imperialisme Barat juga adalah menyusahkan penduduk kerana terpaksa membayar cutai.	} Beban 2
Raja Sultan juga hanya berkuasa dalam adat dan hal ehwal agama sahaja.	

Kelemahan calon pula ialah memberikan jawapan yang terlalu umum. Isinya tidak jelas dan tidak menamakan kuasa-kuasa Barat yang terlibat dalam aktiviti penjajahan di Asia Tenggara. Dalam kalangan mereka ada yang tidak menjawab soalan ini.

7b.

Terangkan kesan imperial Barat ke atas
keatas Asia Tenggara.

Kuasa barat Amerika, Jerman, Russia,
mereka berminat mengajuk tanah jajahan
yang banyak.

Kesilapan calon ialah memberikan jawapan tentang dwiekonomi sahaja dan mengabaikan ekonomi tradisional.

7b. Terangkan kesan imperialisme Barat
ke atas Asia Tenggara.

Sistem ekonomi Barat di perkenalkan.
Bank di tubuhkan.

Bandar dan pelabuhan mula
rumah-rumah - bank dan pencakar
langit dibina.

Ekonomi orang Melayu
mereka hidup mewah dan
mahal.

Orang Melayu terus miskin
dan mendesit.

Soalan 8a

Calon yang cemerlang memberikan jawapan yang baik, tepat dan padat. Mereka mampu memenuhi kehendak soalan dan jawapan mereka masih selari dengan kehendak peraturan pemarkahan.

	<p>(i) Reaksi Singapura terhadap pembentukan Singapura disokong oleh se sesetengah penduduknya. Mereka yang menyokong ialah ahli parti PAP</p>	<p>PAP 2</p>
	<p>manakala yang membantah adalah ahli Barisan Sosial yang mendakwa bahawa pembentukan Malaysia merupakan cara penjajahan baru atau neokolonisasi neokolonisme.</p>	<p>Idea 2</p>
	<p>Mereka ingin perundingan dibuat, selain itu mereka mengatakan bahawa pembentukan Malaysia hanya akan melambatkan proses kemerdekaan Singapura) Maka</p>	<p>Doker 2</p>
	<p>(referendum telah dibuat oleh perwakilan se negara bagi meninjau pandangan penduduk Singapura) keputusannya terbahagi kepada tiga, satu pertiga menyokong</p>	<p>2</p>
<p>1A3</p>	<p>sepenuhnya, satu pertiga menyokong dengan syarat dan satu pertiga lagi ia tidak menyokong.</p>	<p>"Undi" 2</p>
	<p>(ii) Reaksi di Sabah pula ialah parti politik kebanyakannya tidak menyokong. Parti USNO atas pimpinan Datu</p>	<p>swat 2</p>
	<p>Mustapa Datu Hainon mengatakan mereka tidak menyokong kerana bimbang akan kemajuan ekonomi, sosial dan politik dikuasai oleh penduduk Tanah Melayu.</p>	<p>isu 2</p>
	<p>Parti Pasok Momogun atas pimpinan Datu Temenggung Jugah juga tidak menyokong.</p>	<p>swat anal. 2</p>
	<p>(iii) Di Sarawak, kebanyakannya tidak menyokong kerana telah lama berada di bawah pemerintahan British. Selain itu,</p>	<p>tolak 2</p>
	<p>mereka tidak mahu kekayaan bumi mereka dikuasai oleh penduduk Tanah Melayu. Parti Politikanya juga tidak menyokong pembentukan Malaysia seperti Parti BERJASA</p>	<p>eko 2</p>
	<p>bawah pimpinan Datu Patinggi Ali Haji Mustapha yang</p>	

Tulis di kedua-dua belah muka surat

<p>bimbang akan kemajuan ekonomi, sosial dan politik akan dikuasai oleh orang rakyat Tanah Melayu. Parti SUPP juga tidak menyokong kerana risau akan kemajuan pendidikan penibumi akan dikuasai oleh penduduk Tanah Melayu. Akhirnya kesemua parti politik di Sarawak menyokong dan pembentukan Malaysia dan bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak (kecuali Parti SUPP) yang terus membantah pembentukan Malaysia.</p>	<p>Moja 2</p>
	<p>SUPP 2</p>
	<p>Perikatan 2</p>
	<p>↑ alg</p>
	<p>SUPP</p>
<p>(v) Pada awalnya, Sultan Brunei menyokong pembentukan Malaysia tetapi akibat hasutan A.M. Azahari dalam Parti PETIR yang dipengaruhi oleh pengaruh komunis menyebabkan beliau menolak dan tidak menyokong pembentukan Malaysia. A.M. Azahari mengatakan pembentukan Malaysia merupakan tanggungjawab suatu bentuk penjajakan baru atau neokolonisme. Beliau juga bimbang akan kemajuan ekonominya dikuasai oleh penduduk Tanah Melayu. Parti ini inginkan perundingan dibuat.</p>	<p>Sultan 2</p>
	<p>alasan</p>
	<p>PKB</p>
	<p>28</p>
	<p>10</p>

Kelemahan calon ialah memberikan jawapan yang tidak cukup isinya, terutama jawapan yang berkaitan dengan reaksi daripada masyarakat di Sabah dan di Sarawak.

9.

i. Realiti Singapura

Tempatan Singapura seperti Lee Kuan Yew) } ZAP
menyhalap ~~subsebutkan~~ Malaysia. Parti ~~PA~~ } 2
bersefya bersatu dalam Malaysia.

Merelies sangat bersefya kerana pada masa itu galangan komunis di Singapura sedang kuat untuk memenangi pemerintahan di Singapura. 2
Dengan Malaysia merelies PA dapat seliat pengaruh komunis. } *binubang*

ii. De Selah.

ti

iii. De Serauah.

ti

iv. De Berunai -

Sultan Bunei Selaja. Tetapi, ia di Sultan 2
Jentap oleh Parti Kelayat Berunai - SM.
Zahari pemimpin PRB nenggaru Cadangan PRB 2
Malaysia sebagai Neokolonialisme.

04/14

Kesilapan calon ialah memberikan jawapan yang tidak menyebutkan tuntutan yang dibuat oleh rakyat Sabah dan Sarawak.

8 a. Penubuhan Malaysia pada th 1963 telah menimbulkan reaksi beberapa negeri di Asia Tenggara. Selain itu negeri-negeri Bersekutu

Singapura Lee Kuan Yew sebagai penubuhan Malaysia.

Jutawan Brunei menentang penubuhan Malaysia.

Singapura yang maju itu takut kepada komunis dan mereka mahu membihi Lee dalam Malaysia.

Lee Kuan Yew sebagai penubuh Malaysia.

Soalan 8b

Jawapan calon cemerlang adalah tepat dan padat. Calon dapat memberikan beberapa isi jawapan seperti yang dikehendaki oleh tugas soal dan peraturan pemarkahan.

Indonesia telah membantah dan menentang penubuhan Malaysia kerana tidak membuat perundingan dengan mereka semua. ~~calangan pembentukan~~ Malaysia dinyatakan. (Hal ini juga terjadi kerana mereka terpengaruh dengan pengaruh komunis. Oleh itu, Indonesia telah mengadakan penentangan dengan cara melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia). Mereka telah melancarkan konsep Ganyang Malaysia yang mana ingin memusnahkan Malaysia. ~~Mereka~~ Mereka telah memburuk-burukkan nama Malaysia di negara-negara Afro Asia. (selain itu, mereka telah menghantar orang dalam untuk mengintip pentadbiran Malaysia) (cara lain ialah dengan menyerang Malaysia dengan kapal terbang & melalui negeri Johor, Sabah dan Sarawak. Mereka juga telah menyerang Malaysia melalui laluan darat dan udara).

Kelemahan calon ialah mereka gagal memahami maksud penentangan.

8b. Huraikan cara penentang Indonesia terhadap penubuhan Malaysia.

Indonesia menganggap Malaysia mencorobah wilayah Indonesia. Indonesia sanggup berperang menentang pencerobah. Pencerobah dianggap sebagai hendak menjajah Indonesia. Indonesia bimbang wilayah mereka akan hilang. Oleh itu mereka menentang Malaysia.

Kesilapan calon ialah tidak memenuhi isi jawapan tentang penentangan Indonesia terhadap cadangan pembentukan Malaysia.

8b. Huraikan cara penentang an Indonesia terhadap penubuhan Malaysia.

Indonesia lancar konfrontasi

Sukarno amat marah kpd Malaysia

dia amat benci kpd Malaysia

Sukarno lancar konfrontasi

dia hendak hancurkan Malaysia

dia tak mahu lihat Tunjil Abd. Rahman

Sukarno lancar propaganda

di dalam Malaysia

dia di dalam

Radio dan TV.

Soalan 9a

Calon yang cemerlang dapat memberikan jawapan yang menepati kehendak soalan dan kehendak peraturan pemarkahan.

(Kuasa Dunia terbahagi kepada blok komunis dan blok kapitalis kerana negara Amerika dan negara Russia menemui kebuntuan dalam rundingan untuk menamatkan Perang Dunia kedua.)	Bantu 2
(Dua blok kuasa terbentuk kerana perbezaan ideologi dan fahaman politik. Blok komunis mewakili negara Russia dan Blok Kapitalis mewakili negara Amerika Syarikat.)	politik 3
(Blok Komunis ingin menyebarkan pengaruh komunis.)	Agap 2
(Blok Kapitalis pula ingin menyebarkan pengaruh demokrasi.)	Jaguh 2
(Dua blok kuasa juga wujud kerana persaingan meluaskan pengaruh masing-masing. Dua blok kuasa bersaing untuk meluaskan kekuatan masing-masing. Russia enggan melepaskan tanah yang dijajah semasa Perang Dunia kedua.)	
(Jerman dibahagi dua oleh dua blok kuasa. Blok kapitalis menguasai Jerman Barat manakala Blok komunis menguasai Jerman Timur.)	Tambak 2
(Dua blok kuasa mengadakan perlumbaan senjata sehingga tercipta senjata nuklear.)	(b)

Kelemahan calon ialah memberikan jawapan yang umum dan tidak berkaitan dengan kehendak tugas soalan. Terdapat juga calon yang tidak menjawab soalan ini.

9.a. Blok kapitalis dan blok komunis juga wujud akibat perang dunia ke-2. Perang ke-2 menyebabkan berlakunya perang yg di dalamnya perang di atas iaitu perang trade senjata.	
--	--

9.9.

Blok kapitalis dan blok komunis juga wujud akibat perang dunia ke-2. Perang dunia ke-2 menyebabkan berlakunya perang yg. dilaksanakan perang dingin iaitu perang trade senjata.

Selain itu blok kedua-dua blok ini menuntut keruan kedua-dua nya zelalu kerana juklas kebebasan maruq. tidak menjadi jaguh dunia.

Th
Tide
Wais

Kesilapan calon ialah memberikan jawapan yang isinya tidak lengkap dan bercampuraduk dengan fakta yang tidak dikehendaki oleh tugas soal.

9.9. mengapakah terbentuk blok komunis dan blok kapitalis.

Blok kapitalis dan komunis wujud akibat perang dunia kedua dimana tanah manula mati

PD II
2

Dunia terbahagi dua antara komunis dan kapitalis

Bahagi
2

Merdeka dan bertumba-tumba lah. menunjukkan kebebasan maruq - maruq

Th

Soalan 9b

Calon cemerlang dapat menjawab dengan baik dan dapat membezakan antara kedua-dua blok kuasa itu dengan tepat.

	No. soalan: 9 b	
1b)	Blok komunis dan blok kapitalis memperkukuhkan pengaruh masing-masing dengan cuba mempengaruhi negara-negara lain seperti negara-negara di Asia Tenggara.)	ketiga 2
	Blok komunis telah cuba untuk menyebarkan fahaman mereka di negara-negara Timur dan menggunakan alat propaganda untuk mempengaruhi negara-negara di Asia Timur untuk menyebelahi mereka.)	kegiatan 2
	Kedua-dua kuasa blok kuasa tersebut juga cuba mengukuhkan pengaruh masing-masing dengan memberi bantuan kepada negara-negara yang mengalami kesulitan dalam pentadbiran atau ekonomi.	ekon 2
	Blok kapitalis dan ekonomi juga blok komunis juga memperkukuhkan kuasa dan pengaruh masing-masing dengan memberikan bantuan ^{ketenteraman dan} pertahanan kepada sesetengah negara yang menghadapi masalah pertahanan.	Bantu 2
	Selain itu, kedua-dua blok kuasa tersebut juga cuba untuk mendapatkan lebih banyak kawasan jajahan terutamanya terhadap negara-negara yang lemah agar kekuasaan dan pengaruh blok-blok tersebut adalah kuat dan kukuh.	STK

Kelemahan calon ialah memberikan jawapan yang umum dan tidak berkaitan dengan kehendak soalan.

9.6 ~~bagaimakah~~ ~~ker~~

Bagaimanakah kedua-dua blok
memperkuh pengambil alih,
mening.

Meraka siap sedia untuk
berperang. redia ken senjata
nuklear.

Meraka cuba ~~war~~ Pakatan
NATO untuk mewahli negara-
negara Komunis.

~~war~~
Pakatan WARSAW, mewahli
orang Amerika.

Kedua-dua-dua pakatan ini
bergaduh.

Kesilapan calon ialah tidak dapat menjelaskan fakta tentang pertubuhan NATO, SEATO dan Pakatan WARSAW.

9.6.

Bagaimanakah kedua-dua blok
memperluaskan pengaruh masing-
masing.

Untuk memperluaskan pengaruh
masing-masing kedua-dua
blok ini sedang berperang.

Mereka campur tangan dalam
pertubuhan Wan Gha-bang
Berhala.

Mereka menindas orang lain.

Mereka bandi negara
Miskin - melalui bon buny
disekusi
Hutan hulu alih untuk
berdahwal - tu

elektron
2

KESALAHAN BAHASA CALON

Terdapat calon yang memperlihatkan penguasaan bahasa yang agak lemah. Selain daripada kesalahan ejaan, ada juga calon yang melakukan kesilapan dalam struktur binaan ayat. Kelemahan bahasa ini dapat dikesan daripada calon-calon yang sememangnya lemah dalam menjawab soalan. Oleh itu, maksud yang ingin disampaikan tidak jelas dan isi jawapan menjadi kabur, terlalu umum dan terpesong. Terdapat juga calon yang langsung tidak mampu membina walaupun satu ayat sendiri. Keadaan ini menyebabkan mereka hanya menyalin soalan. Walau bagaimanapun secara umumnya calon-calon masih menguasai kemahiran bahasa yang agak memuaskan.

SARANAN KEPADA CALON

1. Mempelajari Sejarah secara bersungguh-sungguh dengan memberikan tumpuan
2. kepada semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini.
3. Memahami istilah dan konsep sejarah.
4. Menggunakan buku teks secara maksimum.
5. Membuat persediaan sejak awal dan elakkan belajar pada saat-saat akhir.
6. Mempelajari Sejarah secara keseluruhan yang meliputi kurikulum di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima.
7. Menguasai keseluruhan isi dan perbincangan dalam buku teks Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima sekurang-kurangnya secara umum.
8. Meneliti dan mengutamakan tajuk-tajuk tertentu secara khusus supaya semua fakta penting boleh dikuasai.
9. Elakkan bergantung kepada soalan-soalan ramalan.
10. Menjawab soalan-soalan peperiksaan tahun-tahun sebelumnya dengan menggunakan isi-isi yang telah dipelajari.
11. Menjawab soalan dengan menggunakan bahasa yang ringkas, tepat dan padat.
12. Membanyakkan menjawab soalan bercorak KBKK.
13. Menjawab mengikut arahan pada kertas soalan dan elakkan menjawab soalan dalam jumlah yang lebih atau kurang daripada arahan pada kertas soalan tersebut.
14. Elakkan menjawab soalan-soalan Bahagian B dalam bentuk nota ringkas.
15. Memahami semua soalan sebelum membuat pilihan soalan yang hendak dijawab.
16. Peruntukkan masa yang cukup dan seimbang

SARANAN KEPADA GURU

1. Menghabiskan pengajaran semua bab dalam sukatan pelajaran Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima lebih awal supaya dapat membuat latihan secukupnya.
2. Jangan memilih atau meninggalkan bab-bab tertentu.
3. Elakkan membuat soalan ramalan.
4. Menjadikan buku teks sebagai bahan rujukan utama.
5. Membanyakkan dan mempelbagaikan bentuk latihan dengan menggunakan isi-isi jawapan daripada buku teks.
6. Perbanyakkan latihan menjawab soalan-soalan berformatkan soalan SPM.
7. Baiki kelemahan pelajar dan pertingkatkan prestasi mereka melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik.
8. Pelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran.
9. Teknik pengajaran berkesan hendaklah diusahakan supaya pelajar tidak berasa bosan.
10. Menyediakan pelbagai bentuk bahan bantu mengajar.
11. Merancang pengajaran dan pembelajaran dengan baik terutamanya dari segi menyelesaikan sukatan pelajaran secepat mungkin supaya aktiviti-aktiviti ulangkaji dan latih tubi yang berkesan dan berfokus dapat dilaksanakan.
12. Mengolah dan menyuntik tafsiran-tafsiran peristiwa dalam sejarah kepada pelajar supaya mereka sedar betapa pentingnya mempelajari mata pelajaran ini.
13. Perlu mendapatkan pendedahan memeriksa kertas, supaya menjadi pengalaman yang dapat digunakan untuk membantu pelajar.